

KHAIRAT KEMATIAN DI ALAM MELAYU

**Mohd Rofaizal Ibhraim¹, Mohamed Yosef Niteh (Dr.)², Maad Ahmad³,
Mohd Farid Ravi Abdullah (Dr. Haji)⁴, Suhaila Sharil⁵¹**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Istilah khairat di alam Melayu tidak asing lagi bagi masyarakat Malaysia khususnya walaupun istilah ini sebenarnya dipinjam daripada istilah Arab. Kajian ini dikemukakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum istilah khairat, mengkaji sejarah pertubuhan dan persekutuan khairat mati, mengenal pasti polisi khairat mati dan pandangan tokoh agama berkenaan khairat kematian serta menganalisis pengurusan wang khairat dari aspek perundangan. Metodologi kajian berdasarkan kepustakaan dan dokumentasi diharap menjadi panduan kepada masyarakat memahami khairat kematian di alam Melayu. Implikasi kajian mendapati bahawa istilah khairat telah diserap dalam kalangan masyarakat Melayu melalui aspek kebijakan kerana konsep khairat telah wujud sejak 1926 melalui susur galur Pertubuhan Persekutuan al-*Ikhwan al-Masakin*. Pandangan tokoh agama seperti Syed Alwi al-Hadi yang mengkritik pembayaran khairat mati adalah tidak adil dalam Islam menunjukkan pentingnya khairat mati walaupun disebut secara umum dalam perlembagaan Malaysia perkara 11 kebebasan beragama yang menyatakan bahawa setiap agama mempunyai hak menguruskan hal ehwal agama dengan menujuhkan institusi berkaitan agama kerana wang khairat adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri. Justeru, tiada peruntukan khusus dalam pungutan khairat mati melalui aspek perundangan.

Kata kunci : *Khairat, Mati, Alam, Melayu.*

Takrif Khairat

Dalam bahasa Melayu khairat di takrifkan sebagai kebijikan, derma, sedekah. Persatuan khairat kematian bermaksud persatuan yang mengumpulkan wang (yuran) untuk kebijikan ahli-ahlinya yang meninggal dunia, belanja pengebumian mayat. Berkhairat bermaksud berbuat kebijikan, berderma, bersedekah. Contoh ayat “ Beliau dikenali sebagai seorang dermawan yang telah banyak berkhairat kepada orang miskin.

Berkhairat ialah perbuatan yang merujuk kepada melakukan perbuatan baik atau kebijikan terhadap orang lain. Contohnya “Dia banyak berkhairat kepada fakir miskin (Kamus pelajar edisi kedua).

¹ mohdrofaizal@kuis.edu.my, myosef@kuis.edu.my, maad@kuis.edu.my, mohdfaridravi@kuis.edu.my, suhaila.sharil@kuis.edu.my

Khairat Kematian Di Alam Melayu

Islam merupakan salah satu kesan yang terbesar terhadap perubahan masyarakat Melayu. Perubahan dari corak pertuturan dan perkataan-perkataan yang di gunakan boleh di perhatikan melalui istilah-istilah bahasa arab yang menyerap ke dalam bahasa Melayu yang diungkapkan oleh masyarakat Melayu dalam pertuturan harian mereka yang akhirnya menjadi istilah agama yang banyak terdapat dalam bahasa Melayu. Bahasa melayu telah di Islamkan dengan kedatangan agama Islam ke tanah melayu sehingga memperkenalkan istilah-istilah penting ke dalam bahasa Melayu.

Sejarah telah membuktikan bahawa kedatangan Islam ke tanah Melayu telah melakarkan perubahan dalam sosio budaya melayu sehingga membawa melayu ke arah pemodenan.

Contoh istilah-istilah penting bahasa arab yang merupakan bahasa al-Quran yang menyerap ke dalam bahasa melayu ialah istilah ilmu, akidah.

Contoh lain ialah perkataan pondok. Menurut Zahidi perkataan pondok adalah berasal dari perkataan Arab yang di pinjamkan dan dijadikan bahasa Melayu. Pondok atau dalam sebutan arabnya “fondok” adalah bermaksud hotel atau tempat persinggahan sementara. (Zahidi Dato Haji Zainol Rashid,1996).

Begitu juga dengan istilah khairat yang meresap masuk ke dalam masyarakat melayu yang memberi petunjuk kepada budaya mesyarakat melayu yang begitu dekat dengan amalan kebajikan dan tolong-menolong.

Istilah khairat yang wujud dalam masyarakat Melayu juga menunjukkan bahawa ciri-ciri Islam wujud begitu ketara dalam masyarakat Melayu dan telah menjadi sebahagian daripada amalan kebajikan yang di warisi sejak sekian lama sehingga ianya menjadi asas kelakuan dan tindakan bentuk dan hubungan dalam masyarakat untuk hidup saling bantu-membantu antara satu sama lain. Istilah khairat juga menunjukkan bahawa sikap dan pandangan masyarakat Melayu adalah berteraskan Islam yang telah menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu. Masyarakat melayu Islam di Malaysia mengenali istilah khairat sebagai istilah yang di rujuk kepada amalan kebajikan, bantu-membantu antara satu sama lain di kalangan anak kariah.

Khairat atau kebajikan ialah suatu konsep bantu-membantu tanpa mengira status dan kedudukan seseorang merupakan nilai Islam yang begitu tinggi yang tekah meresap dan menjadi amalan masyarakat Melayu.

Amalan berkhairat dengan berbuat kebajikan dengan bersedekah, berwakaf dan berinfaq terutamanya kepada golongan fakir dan miskin dan juga mereka yang memerlukan amat sudah menjadi amalan kebiasaan masyarakat negara ini lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat Islam.

Pertubuhan dan Persekutuan Khairat Mati

Sejarah telah membuktikan bahawa konsep khairat kematian telah pun wujud di alam Melayu seawal tahun 1926. Pada tahun 1926 telah tertubuh sebuah pertubuhan yang dinamakan Persekutuan *al-ikhwani al-masakin*. Persekutuan ini di tubuhkan dengan rasminya di halaman

masjid Jelutong Pulau Pinang dan secara tepatnya pada tarikh 13.2.1926. Walaupun pertubuhan ini di namakan dengan nama Persekutuan al-ikhwan al-masakin namun tujuan sal penubuhannya ialah memberi khairat kematian kepada ahli-ahli persekutuan dan juga tanggungan mereka.(Md Salleh Bin Md Ghaus,1976).

Pada tahun 1930an kelab-kelab dan pertubuhan telah berkembang dengan pesat dan bertambah bilangannya dengan begitu banyak yang pada tahun tersebut. Antara pertubuhan dan kelab yang mendapat perhatian masyarakat Melayu dan penulis-penulis pada waktu tersebut ialah khairat mati.

Khairat mati sebagaimana nama yang popular pada masa tersebut merujuk kepada khairat kematian yang di amalkan sekarang di masjid dan surau. Khairat mati merupakan sejenis pertubuhan yang di tubuhkan hasil inisiatif orang-orang Melayu pada ketika tersebut. Secara umumnya khairat mati berfungsi sebagai sebuah organisasi kebajikan masyarakat yang di tubuhkan untuk membantu ahli-ahli dan menjaga kebajikan mereka apabila berlaku kematian di kalangan anggota keluarga. Pada masa tersebut juga dana pertubuhan khairat mati di perolehi dari pengumpulan wang yuran khairat mati yang di bayar oleh ahli setiap bulan antara 10 hingga ke 30 sen setiap bulan.(saudara viii, 1936).

Khairat Mati Di Alam Melayu Dan Pandangan Tokoh Agama

Khairat mati telah mendapat perhatian beberapa tokoh masyarakat pada masa ianya mula di terapkan dalam masyarakat. Terdapat beberapa tokoh agama yang berpengaruh telah mengeluarkan pandangan terhadap konsep khairat mati yang diwujudkan pada masa tersebut.

Polisi khairat mati yang semasa mula di perkenalkan dan di amalkan dalam masyarakat Melayu Islam mensyaratkan agar ahli yang menerima wang bantuan khairat membayar semula wang yang di terima. Menurut polisi khairat mati pada ketika itu agak pelik kerana wang yang mereka terima sebagai faedah menjadi ahli khairat mati perlu di bayar semula (Wan Suhana binti Wan Sulong:Saudara).²

Hamidun dalam artikelnya menyebutkan bahawa polisi khairat mati yang di amalkan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu telah di salah ertikan. Beliau mengkritik polisi khairat mati yang mensyaratkan ahli membayar semula faedah yang di terima. Selain itu juga beliau beranggapan bahawa ahli yang membayar yuran khairat bermaksud untuk mendapatkan kembali yuran tersebut dalam bentuk pampasan merupakan perkara yang menyalahi konsep khairat.

Lebih jauh dari itu beliau seterusnya juga menyatakan bahawa wang faedah khairat yang di terima oleh ahli kerana menjadi ahli khairat mati hanyalah sebagai hutang.

Selain polisi mengenai pembayaran faedah dan syarat yang di kenakan kepada ahli, Hamidun juga mengkritik konsep khairat yang dilihatnya tidak memberi kebaikan bahkan menimbulkan masalah dan perpecahan di kalangan orang Melayu pada ketika itu.

Selain itu juga menurut beliau khairat mati akan menyebabkan perpecahan di kalangan anak-anak kariah lantaran ahli khairat mati tidak akan memberi bantuan kepada anak kariah yang tidak menjadi ahli khairat mati.

Syed Alwi al-Hadi juga turut mengkritik konsep mati pada masa tersebut. Menurut pandangan beliau khairat mati menyalahi konsep adil dalam Islam. Khairat mati telah mengabaikan keadilan kepada ahli yang miskin dan susah. Ketidakadilan ini menurut beliau ialah kerana setiap ahli tanpa mengira latar belakang samada miskin tetap perlu membayar dengan jumlah yang sama yang di bayar oleh ahli lain yang berkemungkinan lebih kaya dan lebih banyak wang.

Senarai kelab-kelab Melayu di Johor di antara tahun 1945-1957 mencatatkan bilangan khairat kematian sebanyak 48 buah dan merupakan jenis persatuan yang paling popular pada ketika itu. Jenis persatuan khairat mati merupakan persatuan yang paling mendadak meningkat jumlah penubuhannya di Johor Baharu dan Batu Pahat dengan angka 30 persatuan khairat yang beroperasi di dua daerah ini. Peningkatan paling mendadak sekali berlaku di Johor Bahru, dan Batu Pahat (Mohd. Akbal Abdullah)

Berhubung dengan wang khairat, maka ia adalah termasuk di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Peruntukan berkenaan dengan pungutan wang khairat ada terdapat dalam statut pentadbiran agama Islam setiap negeri. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih tidak terdapat satu undang-undang dan *standard operation procedure* (SOP) yang khusus bagi pengurusan wang khairat kematian (Manual Pengurusan Wang Khairat, JAWHAR)

Pengurusan Wang Khairat Dari Aspek Perundangan

Aspek perundangan berkaitan pengurusan wang khairat di Malaysia telah disentuh dengan maksud yang umum oleh perlombagaan Malaysia dalam perkara 11 kebebasan beragama dengan peruntukkan bahawa setiap agama mempunyai hak untuk menguruskan hal ehwal agamanya sendiri dengan menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi dengan maksud agama atau khairat.

Dari sudut pembahagian kuasa perundangan seperti yang di peruntukkan oleh perlombagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam konsep pembahagian kuasa perundangan pengurusan wang khairat adalah termasuk di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Setiap negeri melalui enakmen pentadbiran agama Islam telah memperuntukkan enakmen khusus berkaitan pungutan khairat namun dengan maksud khairat yang umum bukan khusus seperti khairat kematian.

Namun demikian sehingga kini tidak ada suatu bentuk undang-undang dan *standard operation procedure* (SOP) yang khusus berhubung dengan khairat. (Mohd Zamro Bin Muda,)

Istilah khairat telah di sebut dalam perlombagaan Malaysia dalam Perkara 11 Kebebasan beragama.

(1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. (2) Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri. (3) Tiap-tiap kumpulan agama berhak—

(a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri; (b) menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau **khairat**; dan.

(c) memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

Daripada peruntukan perlembagaan di bawah kebebasan beragama maka kebebasan yang dimaksudkan ialah:

- i. Setiap agama bebas menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri.
- ii. Setiap agama di berikan kebebasan menukuh dan menyelenggara yayasan-yayasan di bawah agama masing-masing yang bertujuan keagamaan sesuatu agama dan khairat bertujuan kebajikan kepada penganut atau kepada yaysan atau pertubuhan agama.
- iii. Setiap agama di berikan hak untuk memperoleh dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang yang diperuntukan untuk tujuan yang tersebut.

Perkara 74(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan memperincikan bidang kuasa Badan Perundangan Persekutuan (Parlimen) dan Badan Perundangan Negeri dalam membuat undang-undang. Peruntukan ini memberi kuasa kepada badan perundangan negeri berbidang kuasa untuk membuat undang-undang yang menyentuh mengenai undang-undang Islam, termasuklah perkara-perkara atau peraturan-peraturan yang berkaitan dengan wang khairat.

Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan memperuntukan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat,

pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara Mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yangmenganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.”

Berdasarkan hak dan kebebasan ini negeri-negeri Persekutuan yang terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu dan wilayah-wilayah persekutuan di bawah pentadbiran

Undang-Undang Islam negeri dan wilayah masing-masing telah memperuntukan perkara berkenaan pungutan khairat.

Namun peruntukan perkara tersebut tidak merangkumi khairat kematian yang memerlukan peraturan dan peruntukan khusus kerana menyangkut bayaran pampasan, yuran bulanan, jumlah pampasan, hak-hak ahli khairat, pengurusan dan lantikan AJK, keahlian, defisit sekiranya berlaku, pertikaian, istilah-istilah dan konsep Syariah yang perlu di terapkan serta perkara-perkara lain yang memerlukan pemerhatian dan pemantauan pihak yang berkenaan.

Rujukan

1. Muhammad Saleh. Mad Ghaus. 1976M. Persekutuan al-ikhwan al-masakin.
2. Daftar Pertubuhan 1949 Arkib Negara Malaysia Cawangan Wilayah Selatan.
3. Mohd Zamro Bin Muda :Aspek Perundungan Berkaitan Pengurusan Wang Khairat Di Malaysia Dan Peranan Agensi Berkaitan.
4. Wan Suhana binti Wan Sulong:Saudara(1928-1941) Its contribution To The Debate on Issues in Malay Society and The Development of a Malay World View.University of Hull.
5. Zahidi. Zainol Rashid. Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman. 1996M. Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Kedah Darulaman.
6. Aziah Tajudin, Mohd. Fazli Tajuid, 2016 Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua Dewan Bahasa dan Pustaka
7. Undang-undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan
8. Manual Pengurusan Wang Khairat Jawhar.
9. Saudara viii/650(1936):9